

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Praktis 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Morfologi (Ara R)

- 1 Cikgu Arisa menegur _____ yang tidak menyiapkan kerja rumahnya walaupun beliau sudah mengingatkannya beberapa kali.
- A murid
 - B kerani
 - C pengetua
 - D kaunselor

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Encik Sufian akan membaca _____ pada setiap pagi sebelum beliau berangkat ke pejabat.
- A buku tulis
 - B buku nota
 - C kertas kerja
 - D surat khabar
- 3 Suriwana lebih suka menggunakan barangan buatan _____ berbanding dengan barangan import.
- A Korea
 - B Jepun
 - C China
 - D Malaysia
- 4 Jarak dari rumah ke sekolah kamu _____ kilometer?
- A siapa
 - B berapa
 - C di mana
 - D bagaimana
- 5 Encik Arsyad menyimpan dokumen penting itu di _____?
- A mana
 - B siapa
 - C berapa
 - D bagaimana
- 6 Bonet kereta ayah _____ akibat dilanggar oleh sebuah kereta yang mengalami masalah brek.
- A leper
 - B lekuk
 - C kemik
 - D kembang
- 7 Gheeta berasa _____ akan kepintaran Maisarah dan mahu meminta tunjuk ajar daripada sahabat baiknya itu.
- A hairan
 - B ganjil
 - C megah
 - D kagum
- 8 Dahlia Aina tidak sabar untuk pulang ke kampung kerana dia sangat _____ akan keluarganya.
- A sedih
 - B rindu
 - C geram
 - D gembira

9 _____, berani kalian meninggalkan aku sendirian di tempat sunyi ini!
A Eh
B Cis
C Aduh
D Alahai

10 "_____ bawa barang-barang ini ke dapur," kata Puan Atie kepada anaknya.
A Harap
B Tolong
C Jangan
D Jemput

11 "_____ kalian sudi datang ke majlis hari lahir saya pada minggu depan," kata Asfar kepada kawan-kawannya.
A Sila
B Minta
C Harap
D Jangan

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah ini.



12 Nasyila _____ apabila melihat telatah sepupu-sepupunya yang baru pertama kali memancing ikan di sungai.
A tertawa
B terpukau
C tersengih
D ternganga

13 Keputusan undian pemilihan ketua murid akan _____ oleh Cikgu Haidir sebentar lagi.
A dinyatakan
B dibahaskan
C diumumkan
D dibincangkan

14 Liu Wei suka memelihara _____ kerana haiwan itu comel dan mudah dijaga.
A laki-laki
B kura-kura
C kuda-kuda
D orang-orang

15 Individu yang tidak mematuhi _____ jalan raya perlu dikenakan hukuman yang berat.
A janji-janji
B cara-cara
C syarat-syarat
D undang-undang

16 Encik Asyraf menasihati anaknya supaya duduk dengan sopannya dan tidak _____ di atas sofa.
A menolak-nolak
B memutar-mutar
C melompat-lompat
D mengangkat-angkat

17 Kesesakan lalu lintas kerap berlaku pada waktu puncak di _____ terutamanya ketika hujan lebat.
A ibu-ibu kota
B jalan-jalan utama
C pasar-pasar raya
D rumah-rumah pangsa

18 Keikhlasan hati seorang _____ syarikat penerbangan yang menyantuni orang kurang upaya itu harus kita contohi.
A perisik
B pesalah
C pelayar
D petugas

19 Kak Salwa mendapatkan _____ di hospital kerana sakit kepalanya masih belum reda.
A dirawat
B perawat
C rawatan
D merawat

20 Abang Wafi belum mempunyai _____ hidup sehingga kini kerana dia sibuk bekerja.
A dipasang
B terpasang
C pasangan
D memasang